

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah baharu yang telah diperkenalkan bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran kelapa sawit, dan pendapatan pekerja dalam sektor tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara pendekatan yang sedang diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan hasil pengeluaran sawit adalah melalui pelaksanaan secara mandatori Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Melalui MSPO, produktiviti pengusaha sawit dapat ditingkatkan melalui Amalan Pertanian Baik (GAP) dan mampan. Pensijilan MSPO akan mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan kecekapan pengurusan dan meningkatkan hasil pengeluaran kelapa sawit.

Pekebun kecil sawit juga di beri khidmat nasihat serta tujuk ajar daripada Pegawai TUNAS, terutama untuk mereka meningkatkan pengetahuan dalam amalan pertanian terbaik pengurusan tanaman sawit. Amalan pertanian seperti kaedah pembajaan, penggunaan anak sawit berkualiti, penuaian berkesan, pengurusan perosak dan kesedaran merekod aktiviti pengurusan sawit telah diterapkan bagi memastikan produktiviti dan seterusnya pendapatan pekebun kecil meningkat.

Pada masa ini juga, Kementerian telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS). Selain untuk membantu meringankan beban kewangan, skim-skim tersebut adalah untuk membantu pekebun kecil melaksanakan penanaman semula dengan menggunakan benih yang berkualiti untuk meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

Walau bagaimanapun, menyedari akan keperluan dan kehendak pekebun kecil, Kementerian sedang mengkaji cadangan untuk menstruktur semula TSPKS dan IPPKS untuk dikhususkan kepada kumpulan sasar tertentu seperti golongan B40 dan sebagainya dalam Rancangan Malaysia Keduabelas. Namun, ianya tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Untuk makluman, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga sedang menjalankan beberapa kajian untuk mengeluarkan klon-klon dan bahan tanaman yang berkualiti yang boleh meningkatkan hasil pengeluaran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Langkah Kerajaan yang telah mengumumkan pengecualian 100 peratus duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isirung sawit mentah dan minyak isirung sawit mentah diproses mulai 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020, pada dasarnya, adalah untuk merencanakan aktiviti perdagangan industri sawit negara. Melalui pengecualian ini, Kerajaan menjangkakan stok minyak sawit mentah dalam negara akan dapat dikurangkan dan ini akan membantu menstabilkan kembali harga minyak sawit. Pengecualian ini akan meransang penggiat industri untuk mengeksport lebih banyak minyak sawit keluar negara dan akan memberi kesan positif terhadap pendapatan syarikat. Ini secara tidak langsung akan membantu memperbaiki kadar upah dan pendapatan pekerja dalam industri.

Bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil, mereka digalakkan untuk menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Penyertaan mereka akan memudahkan urusan jualan hasil Buah Tandan Segar (BTS) secara berkelompok terus ke kilang dengan mendapat tawaran harga yang lebih baik.

Sekian, terima kasih.